

NOTIS PRIVASI

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“**PDPA**”) telah diperkenalkan oleh pihak Kerajaan untuk mengawal selia pemrosesan data di dalam urus niaga komersial.

Di bawah **PDPA**, AmFIRST Real Estate Investment Trust (“**AmFIRST REIT**”) dikehendaki untuk memaklumkan kepada anda seperti yang berikut:

- (i) Jenis Maklumat Peribadi anda yang dikumpulkan dan cara mengumpul maklumat peribadi tersebut;
- (ii) Tujuan menggunakan Maklumat Peribadi anda;
- (iii) Pihak-pihak yang mana Maklumat Peribadi anda telah didedahkan oleh AmFIRST REIT;
- (iv) Pilihan anda mengenai tahap Maklumat Peribadi yang anda berikan;
- (v) Perbezaan antara maklumat yang dianggap mandatori atau sukarela; dan
- (vi) Cara di mana anda boleh mengakses dan mengemaskini Maklumat Peribadi anda.

Notis Privasi ini menggariskan bagaimana AmFIRST REIT mengumpul, mengguna, mendedah dan menyimpan Maklumat Peribadi anda berhubung dengan urusniaga komersial anda dengan AmFIRST REIT serta cara-cara bagaimana AmFIRST REIT melindungi Maklumat Peribadi anda.

Oleh itu, privasi anda adalah amat penting bagi AmFIRST REIT dan AmFIRST REIT komited untuk melindungi Maklumat Peribadi anda dengan mengumpul dan menggunakan Maklumat Peribadi anda menurut **PDPA**.

Untuk tujuan Notis Privasi ini, definisi-definisi di bawah akan diguna pakai:

Istilah	Definisi
Maklumat Peribadi	Merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/ atau urus niaga anda dengan AmFIRST REIT yang dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat lain yang dimiliki oleh AmFIRST REIT. Maklumat ini termasuk nama, nombor kad pengenalan, alamat, pekerjaan, butiran untuk menghubungi anda, butiran akaun anda atau apa-apa maklumat lain yang perlu mengenai diri anda dan urus niaga anda termasuk Maklumat Peribadi Sensitif.
Maklumat Peribadi Sensitif	Merujuk kepada maklumat yang berkaitan dengan maklumat anda seperti kesihatan, pendapat politik, kepercayaan agama dan lain-lain.

1.0 Maklumat Peribadi yang Dikumpulkan

AmFIRST REIT mungkin perlu mengumpul, mengguna, mendedah dan menyimpan Maklumat Peribadi anda untuk tujuan memproses urus niaga komersial anda dengan AmFIRST REIT.

Maklumat Peribadi tersebut diperlukan antara lain untuk:

- (i) Mengesahkan identiti peribadi dan latar belakang anda.
- (ii) Mengesahkan kedudukan kewangan dan kepercayaan kredit anda di mana perlu.

NOTIS PRIVASI

1.0 Maklumat Peribadi yang Dikumpulkan – Samb.

Maklumat Peribadi anda yang dikumpulkan oleh AmFIRST REIT boleh dikategorikan sebagai mandatori atau sukarela. Maklumat Peribadi anda yang mandatori ialah maklumat yang AmFIRST REIT perlukan untuk memproses urusan niaga komersial anda dengan AmFIRST REIT. Kegagalan anda untuk memberikan Maklumat Peribadi tersebut mungkin akan menyebabkan akibat yang dinyatakan di bawah yang mana AmFIRST REIT tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa akibat tersebut:

- (i) Tidak dapat memproses permohonan anda.
- (ii) Tidak dapat untuk memberi maklum balas ke atas pertanyaan/ aduan anda.
- (iii) Tidak dapat untuk memberi kesan ke atas sebarang perjanjian.
- (iv) Tidak dapat untuk menyediakan sebarang dokumen atau berkomunikasi dengan anda berkaitan sebarang perubahan atau kemaskini.
- (v) Tidak dapat untuk mematuhi sebarang undang-undang, peraturan, arahan mahkamah atau mana-mana undang-undang yang berkaitan.

Maklumat Peribadi anda yang dikumpulkan untuk tujuan seperti yang dinyatakan di Perkara 2.0 di bawah, boleh dikumpulkan daripada sumber-sumber yang berikut:

- (i) Melalui komunikasi anda sama ada secara lisan, bertulis dan/ atau komunikasi elektronik dengan Am ARA REIT Managers Sdn Bhd sebagai Pengurus AmFIRST REIT, Maybank Trustees Berhad sebagai Pemegang Amanah AmFIRST REIT dan/ atau agen-agen yang telah diberikuasa.
- (ii) Melalui borang-borang permohonan yang dihantar secara online melalui laman web AmFIRST REIT www.amfirstreit.com.my. Dengan mengakses laman web AmFIRST REIT, anda adalah dianggap telah memberi kebenaran kepada AmFIRST REIT untuk mengumpul, menguna, mendedah dan menyimpan Maklumat Peribadi anda untuk tujuan yang dinyatakan di dalam Perkara 2.0 di bawah.
- (iii) Daripada pihak ketiga yang mempunyai hubungan dengan anda seperti wakil-wakil anda yang sah di sisi undang-undang dan/ atau agen-agen yang telah anda lantik.
- (iv) Pihak ketiga yang lain seperti agensi rujukan kredit, agensi kawal selia dan penguatkuasaan dan/ atau majikan terdahulu.
- (v) Sumber lain yang anda telah memberikan persetujuan anda untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda dan/atau di mana ia sebaliknya tidak dihadkan.

2.0 Tujuan Mengumpul Maklumat Peribadi

Dengan memberikan apa-apa Maklumat Peribadi anda kepada AmFIRST REIT, anda dengan ini bersetuju yang mana AmFIRST REIT akan memproses Maklumat Peribadi anda untuk satu atau lebih tujuan-tujuan yang berikut:

- (i) Bagi menilai permohonan anda untuk urusan niaga komersial dengan AmFIRST REIT.
- (ii) Bagi menilai latar belakang dan kebolehpercayaan kredit anda yang berkaitan dengan urusan niaga komersial anda dengan AmFIRST REIT.
- (iii) Bagi memproses urusan niaga komersial anda dengan AmFIRST REIT dengan tujuan untuk memasuki perjanjian dengan AmFIRST REIT.
- (iv) Bagi membolehkan AmFIRST REIT menghantar dokumen-dokumen atau sebarang perubahan yang berkaitan dengan urusan niaga komersial anda dengan AmFIRST REIT.
- (v) Bagi memproses sebarang pembayaran berkaitan dengan urusan niaga komersial anda dengan AmFIRST REIT.
- (vi) Untuk pengurusan rekod dalaman dan penyelenggaraan pengkalan data pelanggan yang membolehkan AmFIRST REIT untuk menghubungi anda dan memberi maklum balas ke atas sebarang pertanyaan dan/ atau aduan anda.

NOTIS PRIVASI

2.0 Tujuan Mengumpul Maklumat Peribadi – Samb.

- (vii) Bagi menjalankan penyelidikan untuk tujuan analisis, perlombongan data dan analisis urus niaga anda untuk lebih memahami kedudukan terkini anda serta keperluan masa hadapan. AmFIRST REIT juga akan menghasilkan data, laporan dan statistik dari masa ke semasa, bagaimanapun maklumat tersebut akan diagregat supaya identiti anda akan kekal sulit.
- (viii) Mematuhi keperluan mana-mana undang-undang yang mengikat AmFIRST REIT seperti mengadakan pemeriksaan anti-pengubahan wang haram, pengesanan/ pencegahan jenayah, pendakwaan, perlindungan atau penguatkuasaan hak AmFIRST REIT untuk mendapatkan apa-apa yang terhutang kepada AmFIRST REIT termasuk memindahkan atau menyerahkan, kepentingan dan obligasi AmFIRST REIT di bawah mana-mana perjanjian anda dengan AmFIRST REIT;
- (ix) Apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/ atau pihak berkuasa pengawal selia yang berkaitan.

AmFIRST REIT akan mendapatkan persetujuan anda sebelum menggunakan Maklumat Peribadi anda untuk tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan/ atau dalam terma mana-mana perjanjian anda dengan AmFIRST REIT.

3.0 Pendedahan Maklumat Peribadi Anda

Maklumat Peribadi anda yang dipegang oleh AmFIRST REIT akan dirahsiakan. Walau bagaimanapun, bagi membolehkan AmFIRST REIT untuk memproses urus niaga komersial anda dengan AmFIRST REIT, AmFIRST REIT mungkin perlu untuk mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada yang berikut:

- (i) Am ARA REIT Managers Sdn Bhd sebagai Pengurus AmFIRST REIT untuk membantu AmFIRST REIT di dalam memproses urus niaga komersial anda dengan AmFIRST REIT.
- (ii) Maybank Trustees Berhad sebagai Pemegang Amanah AmFIRST REIT untuk membantu AmFIRST REIT di dalam memproses urus niaga komersial anda dengan AmFIRST REIT.
- (iii) ejen-ejen yang dilantik oleh AmFIRST REIT, pembekal perkhidmatan, penjual dan/ atau penasihat professional yang membantu AmFIRST REIT dalam pemprosesan, pentadbiran, memenuhi urus niaga atau menyediakan perkhidmatan tambah nilai yang dipinta oleh anda;
- (iv) mana-mana pihak yang diberi kuasa atau dilantik oleh anda untuk memberi arahan kepada AmFIRST REIT bagi pihak anda seperti ejen, akauntan, juruaudit, peguam, dan penasihat kewangan.
- (v) mana-mana pihak yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak AmFIRST REIT atau pemindahan hak-hak dan obligasi di bawah perjanjian anda dengan AmFIRST REIT;
- (vi) mana-mana agensi penarafan, agensi-agensi laporan kredit dan sekiranya berlaku keingkaran terhadap sebarang perjanjian yang diberikan kepada anda, kepada agensi-agensi kutipan hutang; dan/ atau
- (vii) mana-mana pihak berkuasa berwajib dan/ atau pengawal selia, termasuk pengawal selia asing bagi pelaksanaan fungsi mereka, tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang, termasuk undang-undang asing yang berhubung kait dengan AmFIRST REIT.

NOTIS PRIVASI

3.0 Pendedahan Maklumat Peribadi Anda – Samb.

Jika tidak, AmFIRST REIT tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada sesiapa, kecuali di mana:

- (i) anda tidak memilih-keluar (opt-out) dari menerima bahan pemasaran daripada AmFIRST REIT;
- (ii) AmFIRST REIT dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang;
- (iii) AmFIRST REIT dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana perintah mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas AmFIRST REIT;
- (iv) AmFIRST REIT diperlukan untuk memenuhi kewajipan AmFIRST REIT kepada mana-mana pihak berkuasa pengawal selia yang berkenaan.

Tetapi sila yakin, bahawa pada setiap masa, AmFIRST REIT akan menghormati dan melindungi privasi dan kesulitan Maklumat Peribadi anda.

4.0 Keselamatan Maklumat Peribadi Anda

AmFIRST REIT meletakkan kepentingan yang amat tinggi dalam memastikan keselamatan dan kerahsiaan Maklumat Peribadi anda dan secara tetap mengkaji semula dan melaksanakan pengemaskinian langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi apabila memproses Maklumat Peribadi anda. Jika AmFIRST REIT mendedahkan mana-mana Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga yang telah dilantik oleh AmFIRST REIT, pihak ketiga tersebut dikehendaki untuk melindungi Maklumat Peribadi anda tersebut sewajarnya.

5.0 Penyimpanan Maklumat Peribadi

Maklumat Peribadi anda akan disimpan selaras dengan Notis Privasi ini dan/ atau terma dan syarat perjanjian anda dengan AmFIRST REIT bagi tempoh perhubungan anda atau tempoh yang diperlukan untuk melindungi kepentingan AmFIRST REIT dan anda. Penyimpanan tersebut juga adalah diperlukan di mana dikehendaki oleh undang-undang atau mengikut dasar-dasar dalaman AmFIRST REIT.

6.0 Hak Anda Untuk Mengakses Dan Membetulkan Maklumat Peribadi

Jika anda ingin mengakses dan/ atau membuat pembetulan kepada Maklumat Peribadi anda, anda boleh menghubungi pegawai seperti yang disenaraikan di bawah Perkara 10.0 untuk membantu anda dalam tempoh 21 hari dari penerimaan permintaan anda. Sila ambil perhatian bahawa AmFIRST REIT mungkin akan mengenakan fi yang rendah bergantung kepada maklumat yang anda minta.

Sila ambil perhatian bahawa AmFIRST REIT mungkin perlu menahan akses kepada Maklumat Peribadi anda dalam keadaan tertentu, contohnya apabila AmFIRST REIT tidak dapat mengesahkan identiti anda, di mana maklumat yang diminta bersifat komersial yang sulit atau sekiranya terdapat permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Walau bagaimanapun, AmFIRST REIT akan memberitahu anda akan sebab-sebab AmFIRST REIT tidak dapat memenuhi permintaan anda. AmFIRST REIT juga boleh meminta untuk dokumen keterangan yang lanjut untuk mengelakkan kejadian penipuan dan/ atau maklumat yang tidak tepat.

Untuk membolehkan AmFIRST REIT memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda, AmFIRST REIT memohon bantuan anda untuk sentiasa mengemaskini Maklumat Peribadi anda.

NOTIS PRIVASI

7.0 Membuat Pilihan Berkaitan Pendedahan Dan Penggunaan Maklumat Peribadi Anda Untuk Tujuan Pemasaran

Anda boleh membuat pilihan anda berkenaan dengan pendedahan dan penggunaan Maklumat Peribadi anda dengan AmFIRST REIT. Sekiranya anda memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan pemasaran daripada AmFIRST REIT, anda boleh sama ada (i) menghubungi AmFIRST REIT di maklumat perhubungan yang diberikan di bawah; atau (ii) dengan memilih untuk memilih-keluar daripada menerima bahan pemasaran, iaitu pilihan yang disediakan di dalam borang permohonan yang berkaitan.

Sila ambil perhatian bahawa tidak kira pilihan yang anda buat dalam perkara tersebut di atas, anda masih boleh menghubungi AmFIRST REIT melalui saluran yang disediakan di bawah untuk menukar pilihan anda. Pilihan terkini yang disampaikan akan diguna pakai. AmFIRST REIT akan mengemaskini keutamaan pemasaran terkini anda dalam pangkalan data AmFIRST REIT dalam tempoh yang munasabah selepas menerima komunikasi pilihan anda.

8.0 Pindaan Kepada Notis Privasi

Notis Privasi ini mungkin dipinda dari semasa ke semasa tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada anda. Sebarang pindaan akan dipaparkan di laman web AmFIRST REIT iaitu www.amfirstreit.com.my dan/ atau apa-apa cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh AmFIRST REIT. Walau bagaimanapun, apa-apa pindaan akan mematuhi **PDPA**. Sila semak Notis Privasi ini dari semasa ke semasa supaya anda sentiasa maklum tentang cara AmFIRST REIT melindungi Maklumat Peribadi anda.

9.0 Bahasa

Sekiranya terdapat sebarang konflik di antara Notis Privasi di dalam Bahasa English dengan Privasi Notis di dalam Bahasa Melayu, terma-terma Privasi Notis di dalam Bahasa English akan diguna pakai.

10.0 Pertanyaan/ Aduan

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan dengan Notis Privasi ini, anda boleh menghubungi:

Jawatan	: Compliance Officer
No. Tel	: 03-7955 8780/ 8782
Alamat Surat-Menyurat	: Am ARA REIT Managers Sdn Bhd The Manager for AmFIRST Real Estate Investment Trust Penthouse, Menara AmFIRST, No. 1, Jalan 19/3, 46300 Petaling Jaya, Selangor
Alamat E-Mel	: jayasuraes-naidu@ambankgroup.com

Notis Privasi ini telah dikeluarkan pada 13 Februari 2014.